



Pengaruh Mazhab Fiqah al-Syafi'i: Analisis Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu

Fiqh
Al-Syafi'i

The Influence of al-Syafi'i School of Thought (Madzhab): An Analysis of Few of the Malay Translations of the Quranic Text

44

Submitted: 22 Januari 2020
Revised: 29 September 2020
Accepted: 30 October 2020
E-Published: 31 October 2020

NASIMAH ABDULLAH

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab
Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nasimah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Terjemahan ialah proses pemindahan makna daripada satu bahasa (iaitu bahasa sumber) kepada satu bahasa lain (iaitu bahasa sasaran). Dalam proses memindahkan makna, penterjemah bukan sahaja mempunyai pelbagai pilihan leksikal, frasa atau ayat, malah perlu juga mengenalpasti penggunaan makna yang pelbagai sama ada literal atau idiomatik. Manakala, sebahagian ayat al-Quran pula mengandungi beberapa interpretasi atau pentafsiran berdasarkan dimensi pandangan mazhab fiqah berbeza. Justeru, penterjemah selaku pihak yang memainkan peranan dalam memindahkan makna sebenarnya akan terikat dengan mazhab tertentu yang akan mewarnakan teks sasaran yang dihasilkannya. Makalah ini bertujuan meneliti sejauhmana pengaruh mazhab fiqah al-Syafi'i dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu yang berada di pasaran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis kandungan yang dihurai secara deskriptif dengan memilih ayat al-Quran yang mengandungi isu fiqah sebagai sampel kajian iaitu (لامستم النساء). Korpus kajian pula adalah enam (6) teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. Hasil analisis menemukan bahawa terjemahan individu daripada Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan serta terjemahan Yayasan Restu cenderung kepada pentafsiran mazhab fiqah al-Syafi'i kerana mengekalkan makna literal leksikal (لامس) iaitu bersentuhan kulit dengan kulit. Manakala terjemahan yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran dan Karya Bestari kelihatan tidak condong kepada pentafsiran mazhab fiqah al-Syafi'i kerana menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk nota kaki sebagai usaha memaparkan makna implisit yang terkandung dalam leksikal (لامس) iaitu dengan maksud jimak. Berdasarkan kajian terhadap enam (6) teks terjemahan al-Quran yang berada di pasaran dan hanya satu sampel ayat hukum, boleh dirumuskan bahawa mazhab fiqah al-Syafi'i lebih mempunyai pengaruh terhadap teks terjemahan al-Quran walaupun tidak dinafikan juga wujudnya pengaruh mazhab lain dalam pemindahan makna al-Quran.

Kata kunci: Mazhab, Fiqah, Teks Terjemahan Al-Quran, Melayu





ABSTRACT

Translation is the process of transferring meanings from one language (i.e. the source language) to another language (i.e. the target language). In the process of transferring meanings, translators not only have a wide range of lexical, phrase or sentence choices, but also need to identify the use of meanings that is either literally or idiomatically. In addition, some of the verses of the Qur'an contain several interpretations based on the different dimensional views of school of thoughts. Hence, translators who play a role in transferring the meanings are actually committed to certain school of thoughts, which will influence the translation of the Al-Quran. This article is aimed to investigate the influence of al-Syafi'i school of thought on the Malay translation of the Holy Quran. This is a qualitative study and employs content analysis approach. (لامستم النساء) as the Quranic verse that contains fiqh issue is selected as the sample of this study. The corpus of the study comprises of six (6) Malay translations of the Al-Quran. Findings showed that individual translation by Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus and Zaini Dahlan and the translation by Yayasan Restu are inclined towards the interpretation of al-Syafi'i school of thought as the literal meaning of it lexical (لامس) which is 'the contact from skin to skin' is maintained. Whereas, the translations produced by the Al-Hidayah House of Quran and Karya Bestari did not seemed to incline towards the interpretation of al-Syafi'i school of thought because they added footnote to explain the implicit meaning of the lexical (لامس) which is 'jimak'. Based on the study on six (6) Quranic text translations that is available on the market and one sample of legal verse, it can be concluded that al-Shafi'i school of thought has huge influence over Malay translation of the Quranic text while there is no denying the existence of the influence of other school of thoughts in the translation of the meaning of the Qur'an.

Keywords: School of Thought, Fiqh, Quranic Text Translation, Malay

PENGENALAN

Pelbagai pihak telah menggembelengkan usaha dalam menterjemahkan al-Quran ke bahasa Melayu sama ada oleh individu atau pun secara kolektif. Bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan oleh penduduk di Kepulauan Melayu atau lebih dikenali dengan Nusantara. Ia menduduki tangga keempat dari kalangan bahasa yang dituturkan di dunia dan tangga pertama yang dituturkan di Asia Tenggara. Kini ia menjadi bahasa kebangsaan bagi Malaysia, Brunei dan Indonesia dengan pelbagai nama yang dinisbahkan kepada negara seperti bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan lain-lain (Crystal, 1992: 241). Dari segi rumpun bahasa, bahasa Melayu tergolong ke dalam cabang nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah Karim et al., 2015: 3; Mohamed Anwar: 2011).

Pada peringkat awal sejarah terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu, usaha menterjemahkan al-Quran dilakukan secara individu, tetapi pada akhir kurun kedua puluh usaha menterjemahkan al-Quran diteruskan secara berkumpulan yang diusahakan oleh pihak tertentu (Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman, 2016: 3). Antara terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh individu adalah Mahmud Yunus



(2008) iaitu "Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani", Abdullah Basmeih (2010) iaitu "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an" dan Zaini Dahlan (1999) iaitu "Qur'an Karim dan Terjemahan Artinya" serta banyak lagi individu lain. Manakala, terjemahan al-Quran secara kolektif yang diusahakan oleh institusi atau badan bukan kerajaan adalah seperti Yayasan Restu (2011) iaitu "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan", al-Hidayah House of al-Quran (2017) iaitu "Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu" dan Karya Bestari (2014) iaitu "al-Quran al-Karim Resam Uthmani Bahasa Melayu".

Sumbangan individu dan pihak berkaitan tersebut secara kolektif tidak dapat dinafikan lagi demi kelangsungan penyampaian mesej al-Quran kepada masyarakat Melayu yang tidak bertutur dalam bahasa Arab. Apa yang pasti, masyarakat Melayu yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab akan merujuk kepada terjemahan al-Quran untuk memahami isi kandungan al-Quran (Nasimah Abdullah, 2015(b): 21). Justeru, terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu memainkan peranan yang cukup relevan kepada komuniti Islam yang tidak boleh menguasai bahasa Arab. Situasi ini menjadikan peranan penterjemah itu sendiri sangat signifikan. Walau bagaimanapun, kita perlu faham bahawa al-Quran dan terjemahan al-Quran adalah dua perkara yang berbeza.

Al-Quran ialah kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada nabi Muhammad SAW untuk menjadi panduan hidup manusia di dunia dan akhirat. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai nilai estetik yang sangat tinggi. Nilai estetik tersebut bukan sahaja daripada sudut wacananya yang mempunyai konsep ketenunan teks (Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman, 2018: 91), malah daripada aspek retoriknya juga (Ach Thabrani, 2018: 1). Al-Quran juga mempunyai pelbagai bentuk perbincangan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia seperti syariat, akidah, muamalat dan akhlak (Sibawaih & Agus Dedi Putrawan, 2015). Ia juga mempunyai keterangan dan konsep sama ada bersifat global atau tidak, yang tersurat maupun tersirat dalam pelbagai persoalan kehidupan manusia (Nordin, 2006: dalam Siti Ngaisah, 2013) serta mengandungi unsur-unsur yang berupa penceritaan, budaya, sejarah dan teologi (Omar Sheikh Al-Shabab, 2003 dalam Muhammad Luqman Ibnul Hakim, 2015). Dengan sebab itu, al-Quran telah diterjemahkan ke beberapa bahasa dunia.

Ironinya, al-Quran mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri daripada segi susunan linguistik dan isi kandungannya yang dikenali dalam epistemologi Islam dengan konsep *I'jaz al-Quran* (kemukjizatan al-Quran atau inimitability of the Quran). Dari sudut terminologi, *al-Tahanawi* (1996: 1575) menjelaskan perkataan *I'jaz* merujuk kepada suatu perkara yang menyalahi kebiasaan atau cabaran yang tidak boleh ditandingi. Manakala, *al-Qurthubi* (2006: 112) pula mendefinisikan *i'jaz* kepada satu fenomena kelemahan manusia untuk menghasilkan sebagaimana yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Hal ini menjadikan al-Quran mempunyai status yang sangat eksklusif kerana ia didasari dengan konsep *I'jaz al-Quran*. Elemen *i'jaz al-Quran* telah berhasil membataskan teks terjemahan al-Quran ke bahasa lain sebagai suatu bentuk tafsiran



semata-mata yang tidak akan menyamai sama sekali status asal al-Quran (Mukhlis Rosli, et. al., 2020: 81).

Menurut sarjana Arab seperti Ibnu Manzur (1994, 12: 66), perkataan terjemahan bermaksud pentafsiran ataupun penerangan dengan menggunakan bahasa lain, atau memindahkan perkataan daripada satu bahasa (iaitu bahasa sumber) kepada bahasa lain (iaitu bahasa sasaran). Secara empirikalnya, dalam proses pentafsiran, penerangan atau pemindahan tersebut berkemungkinan akan berlakunya perubahan sama ada pada unsur-unsur yang terdapat dalam teks asal seperti perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa atau pun makna, ekoran wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, semantik, budaya dan sosiolinguistik kedua-dua bahasa (Nasimah Abdullah, et. al., 2017: 105-106).

Hal ini selari dengan teori dalam bidang pengajian ilmu terjemahan moden yang mempercayai bahawa terjemahan itu sendiri merupakan instrumen pemindahan makna yang menyebabkan secara tidak langsung ciri-ciri terjemahan tidak memungkinkan penghasilan teks sasaran yang dapat menyamai teks asalnya dalam kesemua ciri (Akmal Khuzairy Abd Rahman, 2016: 19). Dengan sebab itu, para sarjana Islam tidak mengiktiraf teks terjemahan al-Quran ke bahasa lain sebagai sama taraf dengan kedudukan dan autoriti al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab. Sebaliknya, mereka menganggap teks terjemahan al-Quran sebagai rujukan sekunder kepada teks asal dan hanya menjadi wahana atau perantara untuk memahami mesej al-Quran (Abdul-Raof, 2001: 1). Dengan erti kata lain, terjemahan al-Quran merupakan wadah terhad yang hanya memungkinkan tercapainya pemindahan sebahagian makna sahaja (Akmal Khuzairy, 2016).

Apa yang pasti, al-Quran hanyalah satu versi iaitu dalam bahasa Arab yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW, tetapi terjemahan al-Quran mempunyai pelbagai versi dan kadang-kadang mempunyai perbezaan bukan sahaja daripada sudut pemilihan leksikal, frasa atau ayat dalam pemindahan makna daripada teks sumber (iaitu al-Quran) kepada teks sasaran (iaitu teks bukan bahasa Arab), malah juga daripada segi penggunaan strategi terjemahan. Hal ini demikian, kerana terjemahan al-Quran adalah hasil daripada ijtihad penterjemah itu sendiri dalam usahanya memberi huraian makna terhadap ayat-ayat al-Quran berdasarkan kefahamannya untuk menyampaikan makna al-Quran.

Dari dimensi lain pula, ayat-ayat tertentu dalam al-Quran mempunyai interpretasi yang pelbagai berdasarkan mazhab fiqah yang berbeza. Penterjemah selaku pihak yang memainkan peranan dalam memindahkan makna sudah pasti mempunyai kecenderungan memilih makna yang sesuai dengan mazhab fiqah pegangannya. Namun, persoalan yang timbul di sini adalah sejauhmana wujudnya pengaruh mazhab fiqah terutamanya mazhab al-Syafi'i dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. Hal ini perlu dibincangkan kerana masyarakat Melayu khususnya di Asia Tenggara telah beramal dengan hukum-hukum fiqah mazhab al-Syafi'i sejak kedatangan Islam ke Alam Melayu sehinggakan pengaruh mazhab ini diperkukuhkan lagi melalui sistem perundangan dan pendidikan (Saadan Man et. al., 2009: 27;



Muhammad Misbah, 2016: 33). Bertitik tolak dari situasi ini, makalah ini cuba menganalisis kaedah terjemahan ayat al-Quran ke bahasa Melayu untuk meneliti sejauhmana pengaruh mazhab fiqah al-Syafi'i dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu yang berada di pasaran.

TINJAUAN PERSURATAN

Penulis membahagikan perbincangan tentang tinjauan persuratan kepada beberapa bahagian yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Sifat Wacana Al-Quran Dan Ciri Penterjemah

Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai pelbagai keistimewaan. Antara keistimewaan tersebut adalah ciri-ciri fonetik, derivasi (*al-isytiqaq*), pembentukan leksikal, fleksi (*al-I'raab*), arabisasi (*al-Ta'rib*), kesesuaian huruf dengan makna, konsep polisemi, sinonimi, antonimi, struktur ayat, stilistik ayat, susunan kata, aspek tatabahasa dan pembinaan ayat (Che Radiah Mezah, 2001: 70). Oleh itu, penterjemah al-Quran bukan sahaja perlu menguasai semua ilmu berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu bahasa Arab, nahu, morfologi, etimologi dan retorik sebelum memindahkan makna al-Quran, malah juga perlu memahami hadis, *asbāb al-Nuzūl*, *Qirāāt* dan ilmu *usuluddin* (Amar Fadzil, 2007: 184-186).

Perkara lain yang perlu diambil perhatian oleh penterjemah al-Quran adalah kesesuaian pemilihan leksikal, frasa dan ayat. Hal ini kerana pemilihan yang sesuai boleh menjurus kepada memahami maksud al-Quran keseluruhannya atau paling kurang boleh memindahkan sebahagian mesej yang dimaksudkan oleh al-Quran (Nasimah Abdullah, 2017: 73). Dengan erti kata lain, ketepatan leksikal, frasa atau ayat yang digunakan dalam teks terjemahan al-Quran amat penting dalam memastikan komunikasi berkesan berlaku terhadap pembaca sasaran.

Kepelbagaian Mazhab Fiqah Dalam Interpretasi Makna Al-Quran

Istilah mazhab merujuk kepada cabang ajaran Islam yang diikuti oleh umat Islam atau aliran fahaman (Kamus Dewan edisi Keempat, 2015: 1010). Menurut Muhammad Husin Abdullah (1995), mazhab adalah sejumlah pendapat mujtahid berkaitan hukum-hukum Islam yang diambil dari dalil-dalil syariat yang rinci serta berbagai kaedah dan landasan yang mendasari pendapat tersebut yang saling terkait antara satu sama lain sehingga menjadi satu gagasan yang utuh. Secara mudahnya ia bermaksud aliran-aliran fiqah Islam yang terhasil dari ijtihad *fuqaha'* yang dijadikan sebagai rujukan dalam usul syariat (Nadzrah Ahmad et. al., 2018: 6). Fiqah bermaksud memahami hukum syarak berasaskan sumber-sumbernya secara terperinci (Mawsu'at al-Fiqh al-Islami, 1990: 1: 759). Fiqah bukan sekadar memahami penulisan terdahulu sama ada klasik atau semasa, malah perlu juga kepada usaha penyelidikan sepenuhnya terhadap bahan-bahan tersebut, perujukan kembali kepada nas-nas al-Quran dan *al-Sunnah*, dan kerja-kerja lapangan yang dilakukan mengikut lunas-lunas kaedah penyelidikan hukum Islam yang dikenali dengan Usul Fiqah (Paizah Ismail, 2003: 11).



Pengaruh mazhab sebenarnya berkembang seawal kurun kedua hijrah dengan kemunculan pandangan dan pentafsiran hukum yang berbeza daripada *fuqaha salaf* yang berada di Hijaz, Kufah, Baghdad, Syria dan Mesir, dan mazhab yang diiktiraf dalam Fiqah Sunni adalah mazhab al-Hanafi, al-Maliki, al-Syafi'i, al-Hambali dan al-Ja'fari (Nadzrah Ahmad et. al., 2018: 6). Antara faktor perbezaan mazhab adalah terhasil daripada interpretasi mujtahid yang tidak sama dalam memahami gaya bahasa Arab seperti konsep polisemi (*musytarak*), pengertian suruhan dan larangan, kata *mutlaq* dan *muqayyad*, *mafhum mukhalafah*, kata hakiki dan majazi serta lain-lain (Nanang Abdillah, 2014: 20 & 30-33).

Di Nusantara, sejarah telah mencatatkan bahawa selepas kedatangan Islam, mazhab al-Syafi'i tersebar dan dipegang oleh masyarakat Melayu terutama dalam hal berkaitan hukum dan amalan agama (Saadan Man et. al., 2009: 21 & 23; Muhammad Misbah, 2016: 33). Secara relevannya, kecenderungan penterjemah al-Quran kepada sesuatu mazhab fiqah dalam mentafsirkan ayat al-Quran akan memberi implikasi kepada kefahaman pembaca teks terjemahan al-Quran.

Pengaruh Mazhab dalam Strategi Terjemahan

Pengkajian dalam bidang pengajian terjemahan berkaitan dengan pengaruh pegangan mazhab penterjemah terhadap teks terjemahannya adalah sangat terbatas terutamanya teks terjemahan al-Quran. Akmal Khuzairy (2016: 29) ada menyebut secara sepintas lalu dalam tulisannya bertajuk "Perbezaan Status Terjemahan al-Quran berbanding dengan Teks asalnya dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden" bahawa penterjemah akan cenderung memilih makna yang sesuai dengan mazhab fiqah atau akidah pegangannya jika terdapat tafsiran yang pelbagai bagi ayat-ayat tertentu dalam al-Quran seperti ayat-ayat hukum dan ayat-ayat *mutashabihat* tanpa disertakan dengan contoh yang khusus berkaitan dua perkara tersebut.

Namun, terdapat tiga (3) kajian lain berkaitan terjemahan ayat *mutashabihat* bersama dengan beberapa contoh dalam al-Quran yang mengaitkannya secara langsung dengan pegangan mazhab penterjemah iaitu Muhammad Faizal Muhammad dan lain-lain (2015), Nasimah Abdullah (2015(a)) dan Nasimah Abdullah dan Rosni Wazir (2015). Ketiga-tiga kajian ini melihat dari sudut kaedah terjemahan secara literal dan terjemahan *maknawiyah*. Kemudian terdapat satu kajian lain daripada Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman dan Abur Hamdi Usman (2019) yang memberi tumpuan kepada strategi eksplisitasi dalam terjemahan serta menghubungkaitkannya dengan pengaruh aliran pemikiran yang dipegang oleh penterjemah.

Secara umumnya, eksplisitasi adalah satu bentuk peralihan (*shift*) dalam terjemahan daripada makna implisit kepada makna eksplisit (Murtisari, 2016: 64). Makna implisit bermaksud makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan atau makna tersirat (Kamus Dewan edisi Keempat,, 2015: 571), manakala makna eksplisit bermaksud makna yang dinyatakan dengan jelas, atau makna tersurat, atau makna tanpa dikias-kias (Kamus Dewan edisi Keempat,, 2015: 382). Terdapat pelbagai bentuk eksplisitasi



dan antaranya penambahan, pengkhususan, maklumat tambahan dalam kurungan, nota kaki, nota pada akhir bab, glosari pada akhir teks, dan glosari yang berasingan (khusus untuk penerbitan berjilid) (Murtisari, 2016). Ironinya, melalui strategi eksplisitasi, bentuk makna implisit yang terkandung dalam ungkapan ayat *mutashabihat dan ayat hukum* dalam al-Quran dapat dizahirkan ke dalam teks sasaran.

Jika dilihat dengan lebih dekat daripada sudut hubungan antara strategi terjemahan ayat-ayat hukum dengan mazhab yang dipegang oleh penterjemah, terdapat kajian daripada Kasyfullah Abd kadir dan Idris Mansor (2018) yang mengkaji pemikiran Syeikh Abdullah Basmeih dalam menterjemahkan ayat-ayat yang mengandungi permasalahan akidah dan fiqah dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Kajian tersebut menyentuh secara langsung tentang terjemahan perkataan *quru'* (قروء) dan ayat (لامستم النساء). Kajian tersebut mendapati bahawa terjemahan Basmeih selari dengan amalan dan kepercayaan masyarakat Melayu Islam di Malaysia yang berpegang kepada fiqah *Syafi'i*.

Berdasarkan tinjauan persuratan sebelum ini, penulis berpandangan perlu ada kajian lanjut terhadap teks-teks terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu yang lain yang berada di pasaran untuk meneliti sejauhmana teks-teks tersebut condong kepada pentafsiran dan pegangan mazhab fiqah al-Syafi'i dalam memindahkan makna al-Quran ke bahasa Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam pengkajian bidang ilmu semantik, terdapat pelbagai jenis makna dan antaranya makna literal dan makna idiomatik. Istilah yang digunakan dalam bidang retorik Arab adalah *hakiki* yang mewakili makna literal, dan *majazi* yang mewakili makna idiomatik. Makna literal adalah berasaskan makna sebenar atau makna biasa kata-kata yang digunakan, manakala makna idiomatik pula merujuk kepada kata yang mempunyai makna kiasan atau makna yang tersirat di sebaliknya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015: 559 & 948). Bidang pengajian terjemahan melihat kedua-dua makna tersebut dalam kondisi yang melangkaui bahasa berbeza. Dapat dikatakan bahawa satu daripada masalah utama dalam penterjemahan ialah mencari padanan kata yang sepadan. Oleh itu, penterjemah kebiasaannya menghadapi kekangan dalam usaha mencari padanan terjemahan. Ini adalah kerana terdapat kepelbagaian padanan makna dalam terjemahan.

Perlu diingat bahawa antara perkara yang boleh menentukan makna literal atau makna idiomatik dalam sesuatu wacana adalah konteks. Konteks bermaksud keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau yang dapat dihubungkan dengan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015: 818). Oleh itu, penterjemah al-Quran bukan sahaja perlu menguasai perbezaan sistem linguistik dan kepelbagaian makna kedua-dua bahasa Arab dan bahasa Melayu, malah juga mesti mengetahui konteks makna yang melingkungi wacana al-Quran. Konteks makna sesuatu wacana al-Quran boleh difahami melalui sebab-sebab penurunan ayat (*Asbab Nuzul al-Ayat*). Sebenarnya, istilah konteks dalam bidang pengajian



terjemahan dikenali dalam bidang pengajian al-Quran secara khususnya dengan sebab-sebab penurunan ayat (Nasimah Abdullah, 2015). Justeru, penterjemah perlu merujuk kepada pentafsiran ulama untuk mengetahui makna al-Qur'an. Ketepatan sesuatu terjemahan hanya boleh diukur melalui kesepadanan makna dengan penafsiran ulama.

Oleh kerana sebahagian ayat al-Quran mempunyai interpretasi yang tidak sama dalam kalangan mazhab yang berbeza, maka secara relevannya kecenderungan penterjemah al-Quran kepada mana-mana pilihan makna literal atau idiomatik akan memberi implikasi kepada kefahaman pembaca teks terjemahan al-Quran, selain boleh menggambarkan kecondongan penterjemah kepada aliran mazhab tertentu dalam memindahkan makna.

Dalam proses memindahkan makna daripada satu bahasa ke bahasa lain, penterjemah mempunyai dua pilihan situasi iaitu meraikan bentuk atau meraikan makna. Jika penterjemah memilih untuk meraikan bentuk iaitu unsur-unsur yang terdapat dalam teks asal seperti perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa, itu bermakna dia sebenarnya perlu mengaplikasikan kaedah terjemahan secara literal. Dalam situasi lain pula, jika penterjemah memilih untuk meraikan makna, itu bermakna dia perlu mengaplikasikan kaedah terjemahan secara idiomatik.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini cuba menganalisis kaedah terjemahan ayat al-Quran ke bahasa Melayu untuk meneliti sejauhmana pengaruh mazhab fiqah al-Syafi'i dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu yang berada di pasaran. Kajian ini tertumpu kepada bidang pengajian terjemahan dengan memanfaatkan isu perbezaan mazhab fiqah dalam memberi interpretasi terhadap makna lafaz al-Quran. Oleh itu, kajian ini tidak membahaskan isu fiqah secara terperinci. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dihurai secara deskriptif. Pendekatan kualitatif ini menjurus kepada analisis kandungan iaitu satu kaedah yang digunakan untuk mengamati, membuat kesimpulan dan menilai sesuatu bahan yang diterima (Syed Arabi, 2002: 105-106).

Kajian memilih hanya satu ayat al-Quran yang mengandungi isu fiqah sebagai sampel kajian iaitu (لامستم النساء) yang terdapat dalam Surah al-Nisaa' (4) Ayat 43 dan Surah al-Maidah (5) Ayat 6.

Korpus kajian pula adalah enam (6) teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu yang berada di pasaran iaitu seperti berikut:

- i. "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an" oleh Abdullah Basmeih
- ii. "Tafsir Al-Quran Nul Karim" oleh Mahmud Yunus
- iii. "Qur'an Karim dan terjemahan artinya" oleh Zaini Dahlan
- iv. "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" yang diterbitkan oleh Yayasan Restu
- v. "Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu" yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd

vi. "al-Quran al-Karim al-Haramain" yang diterbitkan oleh Karya Bestari

Kajian ini mengguna kaedah pemadanan cara terjemahan antara enam (6) teks terjemahan tersebut. Bagi memudahkan analisis, data ayat al-Quran dan terjemahannya ditunjukkan dalam jadual bagi memudahkan penerangan, penjelasan dan perbandingan. Dalam jadual tersebut, penulis mengekalkan apa sahaja yang tertera di dalam teks terjemahan seperti nota kaki dan penomboran seperti yang asal. Cuma, data yang mengandungi ayat yang dianalisa akan dihitamkan. Seterusnya, penulis merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar seperti *al-Baydhāwi*, *al-Tabari*, *Ibn Kathir* dan *Ibn 'Asyūr* untuk mengenalpasti aliran pemikiran atau mazhab fiqah dalam menghuraikan ayat (لامستم النساء).

DAPATAN KAJIAN

Dari segi leksikologi, perkataan (لامس) mempunyai dua (2) makna iaitu i) sentuh dan ii) bersetubuh (al-Munajjid, 1999: 221). Ini bermakna perkataan tersebut boleh diinterpretasikan dengan dua makna; iaitu makna hakiki dan makna majazi. Begitu juga para fuqaha memberi pentafsiran yang berbeza terhadap ayat (لامستم النساء) yang terdapat dalam ayat 43 Surah al-Nisaa'. Ayat tersebut membincangkan persoalan hukum batal wuduk sama ada dengan sebab semata-mata bersentuhan antara kulit lelaki dengan kulit perempuan, atau dengan sebab jimak. Manakala, ayat 6 Surah al-Maidah pula memberi keringanan (*rukhsah*) menggantikan wuduk dengan kaedah bertayammum jika tidak terdapat air. Penterjemah al-Quran selaku pihak yang memainkan peranan dalam memindahkan makna sudah pasti mempunyai kecenderungan memilih makna yang sesuai dengan mazhab fiqah pegangannya. Oleh itu, penulis memaparkan di sini ayat (لامستم النساء) daripada surah yang berbeza berserta dengan terjemahannya dalam jadual yang berlainan iaitu Jadual 1 dan Jadual 2 untuk menyoroti kecondongan teks-teks terjemahan kepada mazhab fiqah al-Syafi'i atau sebaliknya.

Jadual 1: Surah al-Maidah, 5: Ayat 6

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا ... ﴾		
<u>Abdullah Basmeih:</u> Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu	<u>Mahmud Yunus:</u> Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan	<u>Zaini Dahlan:</u> Hai orang-orang yang beriman, kalau kamu hendak mendirikan salat, basuhlah wajah-wajahmu, dan



<p>berhadass kecil), maka (berwudu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadass besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudu' dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah – debu yang bersih, ...</p>	<p>kedua belah tanganmu sehingga dua siku dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu sehingga buku lali. Dan jika kamu berjunub, hendaklah kamu mandi. Dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau telah buang air atau menyentuh perempuan, kemudian kamu tidak memperolehi air, maka bertayamumlah dengan tanah yang suci, ...</p>	<p>tanganmu sampai ke mata siku, dan usaplah kepalamu serta basuhlah kakimu sampai ke mata kaki. Kalau kamu junub, mandilah. Tetapi kalau kamu sakit atau dalam perjalanan atau dari peturasan atau kamu menyentuh wanita bukan muhrim lalu tidak mendapatkan air, bertayamumlah dengan tanah yang bersih. ...</p>
<p><u>Yayasan Restu:</u> Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka (berwudu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, kedua belah tangan kamu hingga sampai ke siku, sapulah sebahagian daripada kepala kamu, dan basuhlah</p>	<p><u>Al-Hidayah House of Quran:</u> Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku dan sapulah kepalamu, dan (basuh) kakimu sampai ke buku lali dan jika kamu junub, maka</p>	<p><u>Karya Bestari:</u> Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak melaksanakan solat, maka basuhlah wajahmu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kedua-dua kakimu sampai ke</p>

<p>kedua-dua belah kaki kamu hingga sampai ke buku lali. Jika kamu dalam keadaan junub (berhadass besar), maka bersucilah (dengan mandi wajib) dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau bermusafir, atau salah seorang daripada kamu datang dari tempat buang air, atau kamu menyentuh wanita, sedangkan kamu tidak memperoleh air (untuk berwudu' dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu) yang bersih, ...</p>	<p>mandilah. Dan jika kamu sakit¹, atau dalam keadaan musafir atau kembali dari tempat buang air (tandas), atau menyentuh perempuan, jika kamu tidak memperoleh air, maka bertayamumlah dengan tanah yang baik (bersih), ...</p> <p>Nota kaki: (1) Sakit yang tidak boleh kena air. (2) Menurut jumhur ialah menyentuh, sedang menurut sebahagian mufassir ialah menyetubuhi.</p>	<p>kedua-dua buku lali. Jika kamu berjunub maka mandilah. Dan jika kamu sakit²⁶⁵ atau dalam perjalanan atau kembali daripada tempat berhadass atau menyentuh perempuan, maka jika kamu tidak mendapat air, maka bertayamumlah dengan debu yang baik (suci); ...</p> <p>Nota kaki: (265) Sakit yang tidak boleh terkena air. (266) menyentuh, menurut jumhur ialah "bersentuhan kulit". Sedang sebahagian mufassir adalah "bercampur sebagai suami isteri".</p>
---	---	--

Jadual 2: Surah al-Nisaa', 4: Ayat 43

<p>﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا ۗ وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ ۗ ﴾</p>		
<p><u>Abdullah Basmeih:</u> Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya)</p>	<p><u>Mahmud Yunus:</u> Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu dekati sembahyang ketika kamu sedang mabuk, kecuali jika kamu telah</p>	<p><u>Zaini Dahlan:</u> Hai orang-orang yang beriman, jangan lakukan salat, kalau kamu dalam keadaan mabuk, sampai kamu tahu</p>



<p>sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub (berhadap besar) – kecuali kamu hendak melintas sahaja - hingga kamu mandi bersuci. Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwudu'), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah – debu, yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu...</p>	<p>mengetahui apa-apa yang kamu katakan dan jangan pula sedang junub (setelah bergal dengan isteri), kecuali sekadar melalui jalan (tempat sembahyang), sehingga kamu mandi terlebih dahulu. Jika kamu sakit atau dalam perjalanan, atau datang salah seorang di antara kamu dari tempat buang air atau kamu menyentuh perempuan, sedang kamu tidak memperolehi air, maka hendaklah kamu tayamum dengan tanah yang bersih, maka sapulah mukamu dan kedua tanganmu (dengan tanah itu), ...</p>	<p>apa yang kamu katakan, jangan kamu masuk masjid kalau kamu junub, kecuali hanya sekadar lewat, sampai kamu mandi wajib. Kalau kamu sakit atau dalam perjalanan, atau selesai membuang hajat, atau menyentuh perempuan yang bukan muhrim, sementara kamu tidak menemukan air, bertayamumlah dengan tanah yang suci; usaplah muka dan tanganmu....</p>
<p><u>Yayasan Restu:</u> Wahai orang yang beriman, janganlah kamu hampiri solat (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan</p>	<p><u>Al-Hidayah House of Quran:</u> Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mendekati solat ketika kamu dalam keadaan mabuk</p>	<p><u>Karya Bestari:</u> Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mendekati solat ketika kamu dalam keadaan mabuk,</p>

<p>mabuk sehingga kamu mengerti akan apa yang kamu ucapkan dan janganlah pula (menghampiri masjid) sedangkan kamu dalam keadaan junub (berhadass besar) kecuali sekadar melintas sahaja sehinggakan kamu mandi (mengangkat hadas besar); dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwudu'), maka bertayamum dengan tanah (debu) yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua-dua tangan kamu...</p>	<p>sampai kamu sedar apa yang kamu ucapkan, dan jangan pula (kamu hampiri masjid ketika kamu) dalam keadaan junub kecuali sekadar melintas sahaja, sebelum kamu mandi (mandi wajib). Adapun jika kamu sakit atau sedang bermusafir atau selepas buang air atau kamu telah menyentuh dengan perempuan⁴, dan kamu tidak mendapat air untuk mandi dan berwuduk, maka bertayamumlah kamu dengan debu yang baik (suci), ...</p> <p>Nota kaki: (4) Menurut sebahagian ahli tafsir, dalam ayat ini termasuk juga larangan untuk mengerjakan solat bagi orang junub yang belum mandi.</p>	<p>sehingga kamu sedar apa yang kamu ucapkan, dan jangan pula (kamu hampiri masjid ketika kamu) dalam keadaan junub kecuali sekadar melaluinya sahaja, sebelum kamu mandi (mandi junub). Adapun jika kamu sakit atau sedang bermusafir atau sehabis buang air atau kamu telah menyentuh perempuan¹⁹⁶, sedang kamu tidak mendapat air, maka bertayamumlah kamu dengan debu yang baik (suci); ...</p> <p>Nota kaki: (196) Sebahagian besar ulama menjelaskan maksud menyentuh di sini adalah bersentuhan kulit dan sebahagian lain adalah bercampur sebagai suami isteri</p>
--	--	---

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2 di atas, didapati bahawa terjemahan individu daripada Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan serta terjemahan Yayasan Restu mengekalkan makna literal untuk leksikal (لامس) iaitu bersentuhan kulit dengan kulit tanpa memberi huraian lanjut tentang pilihan pentafsiran lain oleh fuqaha. Hal ini jelas kelihatan apabila keempat-empat teks terjemahan tersebut menggunakan leksikal “menyentuh”, “bersentuh” atau “sentuh” sebagai padanan kepada leksikal (لامس). Pendekatan keempat-empat teks terjemahan tersebut kelihatan cenderung kepada pentafsiran mazhab fiqah *al-Shafi’i* dalam memahami ayat (لامستم (النساء) sebagai bersentuhan kulit lelaki dengan kulit perempuan, dan bukannya bermaksud bersetubuh (*Ibn Kathir*, 2000; *al-Baydhāwi*, 2003: 1: 216; *al-Tabari*, 2005).



Ini berbeza sama sekali dengan terjemahan Karya Bestari yang menggabungkan antara terjemahan secara literal dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk nota kaki untuk kedua-dua ayat al-Quran tersebut sebagai usaha mempamerkan makna implisit atau makna majazi yang terkandung dalam leksikal (لامس). Melalui strategi eksplisitasi, makna majazi yang terkandung di dalam teks al-Quran dapat dizahirkan ke dalam teks sasaran Melayu. Strategi eksplisitasi yang diaplikasikan oleh Karya Bestari ini menunjukkan bahawa ia tidak cenderung kepada pegangan mazhab fiqah al-Syafi'i semata-mata dalam memahami ayat (لامستم النساء) iaitu dengan makna literal. Ini jelas dapat diperhatikan dalam terjemahan Karya Bestari yang cuba memberi penjelasan tentang makna majazi yang terdapat dalam perkataan (لامس) dengan menggunakan nota kaki bernombor 266 dan 196 iaitu "bercampur sebagai suami isteri". Frasa "bercampur sebagai suami isteri" merupakan bahasa percakapan yang merujuk kepada hubungan suami isteri (Kamus Dewan, 2015: 241).

Dengan erti kata lain, strategi eksplisitasi yang digunapakai oleh terjemahan Karya Bestari adalah sebagai usaha memberi interpretasi kepada ayat (لامستم النساء) berdasarkan pandangan mazhab selain mazhab al-Syafi'i. Strategi eksplisitasi ini boleh dihubungkan dengan pegangan mazhab lain iaitu Maliki dan sebagaimana pandangan sahabat nabi s.a.w. iaitu Ibn Abbas dan tabiin seperti Said bin Jubair yang memahami maksud ayat (لامستم النساء) sebagai satu daripada gaya bahasa kiasan atau makna idiomatik yang merujuk kepada jimak (Ibn kathir, 2000; Ibn 'Asyūr, 1984: 3: 66-67).

Manakala, al-Hidayah House of Quran tidak konsisten dalam penggunaan kaedah terjemahan. Untuk ayat 43 Surah *al-Nisaa'* ia menggunakan terjemahan secara literal, manakala untuk ayat 6 Surah *al-Maidah* ia menggabungkan antara terjemahan secara literal dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk nota kaki. Ini jelas dapat diperhatikan dalam terjemahan al-Hidayah House of Quran yang cuba memberi penjelasan tentang makna majazi yang terdapat dalam perkataan (لامس) pada ayat 6 Surah *al-Maidah* dengan menggunakan nota kaki bernombor 2 iaitu "menyetubuhi".

Ironinya, penggunaan sesuatu kaedah dalam terjemahan boleh dikaitkan dengan kecenderungan penterjemah kepada pentafsiran aliran pemikiran tertentu.

KESIMPULAN

Hasil analisis menemukan bahawa empat teks terjemahan iaitu terjemahan individu daripada Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan serta terjemahan Yayasan Restu cenderung kepada pentafsiran mazhab fiqah al-Syafi'i kerana mengekalkan makna literal leksikal (لامس) iaitu bersentuhan kulit dengan kulit. Manakala terjemahan yang diterbitkan oleh Karya Bestari kelihatan tidak condong kepada pentafsiran mazhab fiqah al-Syafi'i kerana menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk nota kaki sebagai usaha memaparkan makna majazi yang terkandung dalam leksikal (لامس) iaitu dengan maksud jimak. Ini berbeza dengan terjemahan yang



diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran yang tidak konsisten dalam penggunaan kaedah terjemahan di mana ada ketika menggunakan terjemahan secara literal, dan di ketika yang lain menggabungkan antara terjemahan secara literal dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk nota kaki.

Berdasarkan kajian terhadap enam (6) teks terjemahan al-Quran yang berada di pasaran dan hanya satu sampel ayat hukum iaitu (لامستم النساء) yang terdapat dalam Surah al-Nisaa' (4) Ayat 43 dan Surah al-Maidah (5) Ayat 6, boleh dirumuskan bahawa mazhab fiqah al-Syafi'i kelihatan lebih mempunyai pengaruh terhadap teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu, walaupun tidak dinafikan juga wujudnya pengaruh mazhab lain dalam pemindahan makna al-Quran.

Berdasarkan dapatan kajian ini, penulis berpandangan perlu ada kajian lanjut terhadap teks-teks terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu yang berada di pasaran untuk meneliti pengaruh pegangan mazhab fiqah al-Syafi'i dalam pemilihan strategi terjemahan yang melibatkan leksikal (قروء) dan lain-lain yang berkait dengan hukum fiqah.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul-Raof, H. 2001. *Quran Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. Cetakan 1. Vol. 4. <https://doi.org/10.3366/jqs.2002.0008>.

Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. (cetakan 12).

Ach Thabrani, 2018. Nadzam dalam I'jaz al-Quran Menurut Abdul Qahir al-Jurjani. *Jurnal al-Mi'yar*. Vol 1. Bil 1. April 2018. 1-14. Dicapai dari: <https://jurnal.stiq-amuntai.ac.id/index.php/al-miyar>.

Akmal Khuzairy Abd Rahman. 2016. Perbezaan Status Terjemahan al-Quran Berbanding Dengan Teks Asalnya Dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden. *Jurnal Penterjemah*. Bil. 19. Isu 2. 19-39. Persatuan Penterjemah Malaysia.

Al-Baydhāwi, N. 2003. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Munajjid, Muhammad Nur al-Din. 1999. *Al-Ishtirak al-Lafzi fi al-Quran al-Karim Baina al-Nazariah wa al-Tatbik*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasar.

Al-Quran al-Karim Resam Uthmani Bahasa Melayu. 2014. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd. (Cetakan ke-4)

Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan. 2011. Shah Alam: Yayasan Restu. (Cetakan ke-6)



- Al-Qurthubi, M. 2006. *al-Jāmi' li-Ahkām al-Quran*. A. Abdullah, ed.. Beirut: Muassasah al-Risalah. (Cet.1)
- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. 2005. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Quran Tafsir al-Tabari*. Dar al-Salaam, Cairo, Egypt.
- Al-Tahanawi, A. 1996. *Mawsu'ah Kashshaf Istilah al-Funun wa al-'Ulum*. Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Ammar Fadzil. 2008. *Anatomi al-Quran*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Che Radiah Mezah. 2001. Al-Lughah al-Arabiyyah wa Khashaishuha. dalam *Monograf Bahasa Arab*. Serdang: Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Crystal, David. 1992. *An Encyclopedic Dictionary of Language and Languages*. Oxford & Cambridge: Blackwell Publishers, 1st edition.
- Ibn 'Asyūr, M. 1984. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn Kathir, al-Imam al-Hafiz Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail. 2000. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: Mustafa al-Syed Muhammad wa Muhammad al-Syed Rasyad wa Muhammad Fadhl al-'Ujmawi wa Ali Ahmad al-Baati. Al-Jiizah: Muasasah Qurtuba wa Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Ibnu Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Makram. 1994. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasyfullah Abd Kadir dan Idris Mansor. 2018. Pemikiran Basmeih dalam Terjemahan al-Quran 'Tafsir Pimpinan al-Rahman'. dalam *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa*. 17-19 Oktober 2018. Universiti Sains Malaysia.
- Mahmud Yunus. 2008. *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Klang Book Centre.
- Mawsu'at al-Fiqh al-Islami. 1990. Kaherak: Dar al-Kitab al-Misri.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2011. Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahanya. *Jurnal Melayu*. (7): 1–82.
- Muhammad Faizal Muhammad et.al. 2015. Taaththur al-Tarjamah bi ittijah tafsir mu'ayyan. dalam *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV (Peringkat Antarabangsa)*. 6-7 Oktober 2015. Nilai. USIM



- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Muhammad Zaidi Zakaria, Mohd Sollah Mohamed & Nabihah Yusof. 2015. Struktur Dan Konteks Kolokasi Frasa Al-Idāfāt Dalam Al-Quran: Satu Pemerhatian Semantik. dalam *Prosiding Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Sciences 1 (Klicels1)*, 6 – 7 June, 2015. Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Misbah. 2016. Pemikiran Imam al-Syafi'i (w. 2014H) Tentang Tafsir. *Hermeneutik*. Volume 10. Nomor 1. 33-48.
- Murtisari, E. T. 2016. Explication in translation studies: The journey of an elusive concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64-81.
<https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
- Nadzrah Ahmad, Sohirin M. Solihin dan Ahmad Nabil Amir. 2018. Isu-Isu Fiqh Dalam Tafsir Al-Quran Al-Karim Karangan Al-Ustaz H.A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas Dan Abdul Rahim Haitami. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Bil. 17 2018 (Mei). 1-16.
- Nanang Abdillah. 2014. Madzhab Dan Faktor Penyebab Terjadinya Perbedaan. *Jurnal Fikroh*. Vol. 8. No. 1. Juli 2014. 20-38.
- Nasimah Abdullah. 2015(a). Tarjamah al-Ta'bir al-Qurani (Yadullah Fauqa Aidihim) ila al-Lughah al-Malayuwiyyah: Dirasat Tahliliyyah li Uslub al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah. In *Proceedings of 2nd. Postgraduate Inter-Varsity Conference (SAPLI2015)*. 16-17 Disember 2015. The Everly Hotel, Putrajaya.
- Nasimah Abdullah. 2015(b). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Kesepadanan Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil. 8. Isu 3. Edisi Khas (Disember). 35-54. Dicapai dari: <http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/postbilangan-8-isu-3-edisi-khas-disember-2015/>
- Nasimah Abdullah dan Rosni Wazir. 2015. Tarjamah al-Ta'bir al-Qurani (Istawa 'ala al-'arsy) ila al-Lughah al-Malayuwiyyah: Dirasat Tahliliyyah li Uslub al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Jilid II. Isu II. September 2015. 37-49. Dicapai dari: <http://rnc.kuis.edu.my/jpi/jilid-ii-isu-ii-september-2015/>
- Nasimah Abdullah. 2017. Asbab al-Dha'fi fi mada Maqruiyyah al-Nusus al-Qur'aniyyah al-Mutarjamah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Volume 2. Number 1. June. 77-86.
- Nasimah Abdullah dan Lubna Abd Rahman. 2016. Ayat Figuratif dalam al-Quran: Keperluan kepada Terjemahan Secara Kolektif. *Jurnal Penterjemah*. Jilid XVIII. Bil. 1. Jun 2016. 1-13.



- Nasimah Abdullah dan Lubna Abd Rahman. 2018. Terjemahan Kata Panggilan Bangsaawan dalam Wacana al-Quran: Penjelasan dari Perspektif Pragmatik. *Jurnal Penterjemah*. Jilid XX. Bil. 2. Disember 2018. 88-104.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman dan Norfazila Ab. Hamid. 2017. Terjemahan Kata Panggilan Kekeluargaan Dalam Wacana al-Quran: Penjelasan Dari Perspektif Pragmatik. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 10, Isu 1. 104-126.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman dan Abur Hamdi Usman. 2019. Terjemahan Ayat Mutashabihat: Analisis Fungsi Prosedur Eksplisitasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Volume 4. Number 2. December. 154-170.
- Nasimah Abdullah. 2015. *Tarjamah al-Dalalaat al-Majaziyyah al-Qur'aniyyah : Dirasat Tahliyyah li Asaliib al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah*. Disertasi Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Pertama.
- Paizah Ismail. 2003. Keperluan Memahami Maqasid al-Shari'ah Dalam Membina Fiqh Semasa. dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa*. 24-25 September 2003. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kolej Islam Selangor Darul Ehsan.
- Saadan Man, Abdul Karim Ali, Luqman Abdullah, Rushdi Ramli dan Inarah Ahmad Farid. 2009. Kesesuaian Pemikiran dan Amalan Mazhab Selain Syafi'il Dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal. *Jurnal Fiqh*. No. 6 (2009). 21-40.
- Sibawaih dan Agus Dedi Putrawan. 2015. Al-Quran dan Prinsip Komunikasi, dalam *Komunike*, Vol 7, No. 1, Jun 2015.
- Siti Ngaisah, 2013. *Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Dan Makna Yang Terkandung Pada Terjemahan Al Quran Surat An-Nisa*. Tesis Sarjana, Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Syed Arabi Idid. 2002. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu. 2017. Selangor: al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Zaini Dahlan. 1999. *Qur'an Karim dan Terjemahan Artinya*. Yogyakarta: Ull Press.